

Warga Kuktem diminta tingkat kualiti kerja

Mingguan Melayu
Ahad, 20/11/05
m/s : 20

KUANTAN 19 Nov. – Kakitangan dan pensyarah Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) disaran meningkatkan kualiti kerja supaya universiti itu dapat bersaing dan lebih berdaya maju.

Rektor Kuktem, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata, warga Kuktem perlu meningkatkan kualiti dan kecemerlangan bagi mengangkat martabat universiti itu mencapai taraf antarabangsa.

Katanya, kualiti menentukan kelangsungan sesebuah organisasi dan menjadi penanda aras dalam persaingan untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang lebih cemerlang.

“Walaupun masih berusia setahun jagung, Kuktem telah berjaya menerapkan budaya dan nilai-nilai kerja yang berkualiti. Ini terbukti apabila Kuktem berjaya memperoleh sijil MS ISO 9001:2000 daripada Sirim QAS International dan UKAS iaitu badan Persijil daripada United Kingdom,” katanya.

Prof. Dr. Mohamed Said berkata demikian kepada pemberita di majlis Hari Kualiti dan Penyampaian Anugerah Kuktem 2005, dekat sini, semalam.

Majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penyelidikan Terbaik Kuktem disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh.

Pada majlis itu juga, Prof. Dr. Mohamed Said menerima sijil MS ISO 9001:2000 daripada Pengerus Besar Kanan, Bahagian Per-

khidmatan dan Persijilan Sirim QAS International, Mohd. Nasir Abdul Wahid.

Tambahnya, beliau berbangga dengan komitmen dan budaya kerja yang ditunjukkan oleh warga Kuktem apabila pihak Sirim QAS International dan UKAS hanya mengambil masa dua hari sahaja untuk menjalankan pengauditan yang sepatutnya mengambil masa tiga hari.

Menurutnya, kejayaan itu menjadi dorongan kepada warga Kuktem supaya bekerja lebih gigih.



DR. MOHAMED Said Mat Lela (kiri) menerima sijil MS ISO 9001:2000 daripada Mohd. Nasir Abd. Wahid dengan disaksikan Dr. Mohd. Shafie Salleh (tengah) pada majlis Hari Kualiti dan Penyampaian Anugerah Penyelidikan KUKTEM 2005 di Kuantan, semalam.